


**skwad
cakna**

Kawasan Liputan: Sekinchan, Simpang Lima, Sg Besar, Sg Burong, Sekendi, Batu 36, Bagan Terap, Kg Parit Enam, Kg Padang, Pasir Panjang dan Sungai Par
Hubungi skuad cakna kami untuk mengaktifkan komuniti anda.

Sifar kemiskinan menjelang 2010

■ ERNEDA PASOLA

SABAK BERNAM - Satu Majlis Penyampaian Bantuan Program Bantuan Rumah (PBR) Negeri Selangor Tahun 2008 anjuran Pejabat Pembangunan Negeri Selangor, Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) diadakan di Pejabat Parlimen Sabak Bernam, di sini, semalam.

Pengarah Kemajuan Negeri Selangor ICU JPM, Abd Ghani Salleh berkata, program ini adalah yang peringkat pertama di Parlimen Sabak Bernam di bawah program basmi kemiskinan di bandar dan luar bandar.

"Seramai 57 penerima, 14 daripadanya menerima bantuan untuk bina baru iaitu sebuah rumah tiga bilik dan masing-masing bernilai RM33,000, manakala 43 lagi menerima bantuan baik pulih dan masing-masing bernilai RM11,000 yang merupakan peruntukan daripada ICU JPM.



ABD GHANI SALLEH

"Kita dapat senarai ini daripada E-Kasih dan kemiskinan tegar yang diperolehi setakat ini adalah 2,169 seluruh Selangor.

"Kita beri keutamaan kepada mereka dan ini adalah usaha berterusan sehingga kemiskinan tegar dapat disifarkan menjelang 2010," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan replika kunci rumah kepada pemilik dan kontraktor sebagai simbo-



Penerima bantuan bergambar bersama tetamu selepas Majlis Penyampaian Bantuan Program Bantuan Rumah (PBR) Negeri Selangor Tahun 2008 di Pejabat Parlimen Sabak Bernam, di sini, semalam.

lik projek bermula.

Menurutnya, peruntukan akan diberikan secara berperingkat dan selepas ini akan diikuti dengan Kuala Selangor dan seterusnya. Sabak Bernam adalah yang tertinggi menerima peruntukan pada tahun ini dan ia diberikan fokus utama.

"Pada tahun ini sahaja sebanyak RM1.2 juta diperuntukan untuk bina baru dan baik pulih rumah, namun demikian, peruntukan pada 2009 masih belum lagi diketahui dan ia masih dalam perancangan.

"Selepas ini projek akan bermula dan kita tetapkan masa dan perlu siap peng-

hujung tahun ini.

"Matlamat kita supaya dapat mengeluarkan rakyat daripada kemiskinan tegar dan berusaha membantu mereka dari segi bantuan ekonomi melalui projek ekonomi yang berpotensi seperti bidang pertanian dan bantuan peralatan," katanya.